

# Kerjasama dengan broker antarabangsa

KUALA LUMPUR, Selasa — Firma broker saham disarankan supaya bersaing di peringkat antarabangsa dengan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dan meluaskan usaha penyelidikan serta pemasa-rannya.

Ketika membuat saranan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata satu cara untuk mencapai maksud itu ialah menerusi kerjasama dengan beberapa firma di peringkat antarabangsa.

Berucap merasmikan Konvensyen dan Ekspo -- Peluang Pertumbuhan Modal di Malaysia anjuran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia sudah menunjukkan beberapa kemajuan, pasaran sekuriti negara ini perlu mengurangkan keraguan pelabur bagi memastikan pertumbuhan ekonomi lebih kukuh pada masa hadapan.

Selaras dengan arah aliran pasaran meningkat ke seluruh

dunia, sebarang kejatuhan yang memberi kesan sentimen menyeluruh, turut menggugat pasaran saham tempatan, katanya.

Sebagai contoh, katanya, krisis Teluk turut menjejaskan pasaran saham tempatan walaupun ia dibantu oleh pengukuhan ekonomi semasa serta iklim pelaburan yang stabil.

Menurutnya, ini menunjukkan pasaran tempatan mudah dipengaruhi oleh sebarang khabar angin.

Berikutan itu, pasaran terdedah oleh kalangan yang terba-bit menyebarkan khabar angin bagi mangaut keuntungan segera.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa harga saham selalunya tertakluk kepada prestasi sesebuah syarikat sama ada di segi keuntungan atau dividen.

Beliau juga menegaskan spekulasi di sektor pasaran saham adalah perkara biasa yang bertujuan menarik minat pelabur.

Bagaimanapun, spekulasi yang keterlaluan adalah kurang sihat dan kerajaan berharap dapat mengurangkan kegiatan itu apabila pasaran saham mulai matang.

Katanya industri pasaran saham juga perlu meningkatkan pengetahuan pelabur saham awam mengenai beberapa asas pasaran saham.

Perdana Menteri juga mengingatkan BSKL supaya menyediakan maklumat mengenai kegiatan dan prestasi syarikat yang disenaraikan.

Katanya, antara lain langkah itu dapat mengurangkan kegiatan dagangan dalaman serta meningkatkan keyakinan pelabur asing dan antarabangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menasihatkan agar pengarah dan pihak pengurusan syarikat yang disenaraikan supaya menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab terhadap pelabur awam dan pemegang saham kecil.